



15 FEB, 2025

TNB terdesak cari kemenangan

Utusan Malaysia, Malaysia



TNB terdesak cari kemenangan

PETALING JAYA: Ketua jurulatih Tenaga Nasional Berhad (TNB), Nor Saiful Zaini Nasiruddin menegaskan pasukannya perlu mencatat kemenangan dalam aksi terakhir Liga Hoki Malaysia (LHM) walaupun peluang mereka untuk menujuarainya tipis.

Ketika ini, Pasukan Hoki Terengganu (THT) mendahului liga dengan 24 mata mengatas TNB tiga mata di tempat kedua yang akan bertemu Maybank di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, Ahad ini.

THT pula bertemu Territory Stingers, di venue yang sama Ahad ini hanya memerlukan keputusan seri untuk mengeksahkan kejuaraan, namun Nor

Saiful berkata, pasukannya tetap mencari kemenangan bagi meneruskan kecemerlangan prestasi TNB.

“Saya tak fikir kami boleh kejar THT dan bukan mahu merendahkan pasukan lain tetapi di atas kertas THT mempunyai kelebihan berbanding lawan mereka dan saya fikir mereka boleh kalahkan Territory Stingers.

“Namun, jika ada keajlian apa sahaja boleh berlaku tetapi saya tak nampak sebab THT pasukan yang bagus. Saya tidak mahu berharap THT kalah, tidak, itu salah sebab saya menghormati mereka begitu juga dengan pasukan lain.

“Penting untuk kami me-

nang menentang Maybank dan saya berpuas hati jika menamatkan saingan musim ini di tempat kedua,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Walaupun harapan tipis untuk menujuarai LHM, namun Nor Saiful menegaskan TNB akan meneruskan fokus mereka sehingga perlawanan terakhir.

“Bukan bermakna apabila kami tak boleh capai memenangi liga kami sudah tidak mahu fokus pada aksi terakhir. Apa-apa pun kita tengok keputusan perlawanan nanti. Kemenangan amat diperlukan sebagai persiapan kami untuk menghadapi suku akhir Piala TNB,” katanya.